

Ku Nan mohon maaf kepada mangsa bah

➔ Kementerian Wilayah Persekutuan siasat unsur rasuah pemberian kontrak

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan dan Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedang menyiasat sekiranya terdapat unsur rasuah dalam kalangan kontraktor sehingga menyebabkan banjir kilat di ibu negara, Khamis lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata pihaknya menyiasat proses pemberian kontrak kepada sub kontraktor penyelenggaraan dan pembangunan, selain pegawai yang dipertanggungjawab



Tengku Adnan Tengku Mansor

menyelia kontraktor terbabit.

Pihaknya tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang menjadi punca banjir kilat di ibu negara, termasuk kontraktor jika terbukti mereka gagal melaksanakan tugas dengan sempurna, katanya.

“Saya dimaklumkan, kontraktor dianugerahkan kontrak sama ada bagi penyelenggaraan atau pembersihan suka memberikan (sub) kepada pihak lain untuk disewa.

“Kami akan meneliti sistem berperingkat dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan mungkin hanya akan melantik satu kontraktor selepas ini seperti dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Mohon maaf

“Saya mohon maaf kepada orang ramai yang terbabit dalam banjir kilat dan akan berusaha memperbetulkan masalah ini,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, semalam.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan siasatan dilakukan terhadap projek pembangunan di ibu negara bagi mengesan kemungkinan wujud unsur rasuah oleh agensi pelaksana sehingga menyebabkan banjir kilat.

Banjir kilat pada Khamis lalu menyebabkan ratusan kenderaan

terperangkap dalam kesesakan dan ada yang ditenggelami air apabila beberapa jalan utama di sini, dinaiki air.

Tengku Adnan berkata, kementerianya belum menerima laporan penuh berhubung banjir itu, namun setakat ini mendapati beberapa longkang di kawasan ditenggelami air, tersumbat.

Sementara itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) menawarkan bantuan kepada pemilik kenderaan keluarannya yang terjejas akibat banjir kilat itu berupa perkhidmatan menunda, diskaun alat ganti terpilih dan pemeriksaan percuma.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Aminar Rashid Salleh, berkata pihaknya ingin meringankan beban pelanggan dan mereka yang terbabit boleh membuat tuntutan perkhidmatan menunda maksimum sehingga RM100 di cawangan perkhidmatan PERODUA mengikut terma dan syarat.

Selain itu PERODUA turut menawarkan diskaun 20 peratus alat ganti terpilih antaranya barangan elektronik, permaidani, kerusi kereta, perapi pintu (door trims) dan ‘engine overhaul gasket,’ katanya dalam satu kenyataan.

Pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-6600 untuk bantuan.